



TARIKH	JUMAAT, 06 DISEMBER 2019
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	TIADA KES KAKITANGAN AWAM SABOTAJ KERAJAAN
M/S	4
BIDANG	CIVIL SERVANT
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE



Liew Vui Keong

## Tiada kes kakitangan awam sabotaj kerajaan

**Kuala Lumpur:** Tidak berlaku kes ketidakpatuhan kakitangan awam terhadap kerajaan baharu dalam melaksanakan dasar kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, berkata sebahagian besar mereka menunjukkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan kerajaan seperti termaktub dalam Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib).

Mereka juga sentiasa neutral menjalankan tugas mengikut kehendak undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini.

Bagaimanapun, katanya, pemantauan terhadap pegawai awam sentiasa dilakukan bagi memastikan mereka memberikan khidmat terbaik setiap masa.

"Jika terbukti penjawat awam melakukan sesuatu yang bercanggah dengan undang-undang atau peraturan pegawai awam, tindakan melalui prosiding tata-tertib akan dilakukan.

"Sebarang aduan dan bukti akan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membolehkan siasatan dilakukan," katanya menjawab soalan Datuk Seri Dr Ronald Kiang (PH-Beluran) pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri (QMT) di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan tambahan Kiang sama ada pertukaran beberapa ketua setiausaha kementerian baru-baru ini ada kaitan ketidakpatuhan terhadap kerajaan seperti persepsi masyarakat, Vui Keong berkata, ia tiada kaitan perkara berkenaan.

Katanya, di mana-mana negara, kerajaan mengamalkan dasar "kerajaan bertukar, kakitangan awam akan kekal".

Bagaimanapun, katanya, berdasarkan statistik hingga Jun lalu, ada penjawat awam dikenakan tindakan, tetapi membabitkan sikap mencakupi tatacara kewangan dan perolehan, rasuah, penyalahgunaan kuasa, ke-luar negara tanpa kebenaran, gangguan seksual dan menyebarkan berita palsu menggunakan media sosial.

"Namun, belum ada tindakan diambil berhubung penjawat awam sabotaj kerajaan dan daulah terpendam," katanya.

DISEDIAKAN OLEH	1-MOHD SHA AFFANDI BIN MD ARIPI (N41), BPM 2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM
-----------------	--